

23 APR 1999
Abdullah-OIC
OIC BANTAH KEGANASAN SERB DI KOSOVO

KUALA TERENGGANU, 23 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) membantah sekeras-kerasnya keganasan pihak Serb terhadap etnik Albania di Kosovo dan menyokong tindakan NATO menyerang sasaran Serb.

Kumpulan penghubung OIC yang bersidang baru-baru ini menganggap apa yang dilakukan oleh Serb adalah satu kekejaman terkutuk, katanya kepada pemberita di Rumah Tetamu di sini selepas menghadap Sultan Terengganu di Istana Badariah.

Abdullah yang juga bekas Menteri Luar berkata tindakan yang tegas serta penggunaan kekerasan tentera boleh menghentikan keganasan Serb itu.

"Yang pentingnya rakyat Kosovo dibenar balik ke wilayah mereka," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan Malaysia menghantar tenteranya, beliau berkata itu tidak dapat berbuat demikian kerana ia memerlukan perbelanjaan yang besar.

"Bagaimanapun, kalau mereka mengharapkan penglibatan yang nominal dalam membantu pada peringkat sekretariat atau pada peringkat ibu pejabat operasi, mungkin itu dapat dipertimbangkan tapi pada waktu ini kita serahkan pada Kementerian Luar untuk tindakan yang perlu," katanya.

Beliau berkata tidak ada cadangan untuk membawa rakyat Kosovo ke negara ini seperti yang dilakukan terhadap rakyat Bosnia dahulu.

Mengenai pemulihan ekonomi, Abdullah berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkan keadaan ekonomi negara.

"Kerja itu sedang berjalan dengan begitu rancak, dan exco MTEN bermesyuarat setiap hari kecuali Rabu untuk monitor keadaan ekonomi negara termasuk juga yang ada hubungkait dengan kedudukan kewangan negara," katanya.

Abdullah berkata tindakan yang diambil oleh MTEN adalah menyeluruh yang meliputi semua sektor.

-- BERNAMA
SBS MAI